



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Operasi Penguatkuasaan
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Siri 4/2012
'OPS PREMIS KERAJAAN' : Empat Ratus Tiga Puluh Lima Orang
Dikompaun Di atas Kesalahan Merokok Di Premis Kerajaan

Premis Kerajaan telah pun diwartakan sebagai Tempat Larangan Merokok di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT)** semenjak tahun 2004. Kawasan larangan merokok bagi premis Kerajaan merangkumi keseluruhan kawasan di dalam kepungan pagar atau sempadan tanah bangunan pejabat Kerajaan dan juga termasuk semua kawasan di dalam bangunan Kerajaan tersebut.

Walaupun Kementerian Kesihatan kerap menjalankan aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di premis Kerajaan secara rutin, kebelakangan ini Kementerian Kesihatan telah menerima banyak aduan orang awam mengenai kesalahan merokok di premis Kerajaan.

Kementerian Kesihatan memandang serius terhadap sikap para perokok yang tidak mengendahkan, malah melanggar peraturan larangan merokok. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan satu operasi khas besar-besaran bagi penguatkuasaan PPKHT di seluruh Negara pada 24 dan 25 April 2012.

Operasi penguatkuasaan PPKHT ini bertujuan menguatkuasakan larangan merokok di dalam mana-mana premis Kerajaan. Sebanyak **933** buah premis Kerajaan yang termasuk bangunan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atau bangunan agensi-agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diperiksa. Dalam tempoh 2 hari pelaksanaan operasi ini, seramai **435** orang telah diberi notis kesalahan kerana merokok di dalam kawasan premis

Kerajaan. Jumlah nilai kompaun yang telah dikeluarkan dalam operasi ini adalah berjumlah **RM 108,750.00**.

Mana-mana orang yang tidak menjelaskan kompaun yang ditawarkan dalam tempoh masa yang diberi akan didakwa di mahkamah dan sekiranya disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun. Kementerian kesihatan ingin mengingatkan para perokok supaya mematuhi peraturan larangan merokok dan tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang.

Kementerian Kesihatan juga ingin memberi peringatan kepada semua pihak yang bertanggungjawab menguruskan premis Kerajaan mengenai tanggungjawab mereka di bawah PPKHT untuk mempamerkan tanda larangan merokok mengikut spesifikasi yang ditetapkan di bahagian yang mudah dilihat pada premis itu, serta memastikan tiada seorang pun merokok di dalam premis Kerajaan. Kegagalan pihak pengurusan premis Kerajaan di dalam mematuhi peraturan ini boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun. Terdapat **2** pihak pengurusan premis Kerajaan yang gagal mempamerkan Notis Larangan Merokok telah dikenakan notis kesalahan semasa operasi ini. Kementerian Kesihatan akan meneruskan tindakan terhadap pihak pengurusan premis Kerajaan yang gagal menunaikan tanggungjawab mereka di bawah PPKHT semasa operasi di masa-masa hadapan.

Tabiat merokok terbukti merosakkan kesihatan dan merugikan ekonomi perokok serta membahayakan kesihatan orang di sekeliling mereka. Kementerian Kesihatan ingin menasihati para perokok agar berhenti merokok dan mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di mana-mana klinik kesihatan atau hospital Kerajaan yang berdekatan. Kementerian Kesihatan juga ingin memberi nasihat kepada orang ramai dan para remaja supaya tidak memulakan tabiat merokok yang merugikan.

Sekian, terima kasih



(DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 April 2012

**HASIL OPERASI PENGUATKUASAAN PERATURAN-
PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 SIRI 4/2012
'OPS PREMIS KERAJAAN' : OPERASI LARANGAN MEROKOK DI
PREMIS KERAJAAN**

PERKARA	JUMLAH
1) Jumlah Premis Kerajaan Yang Diperiksa	933
2) Jumlah Orang Yang Dikompaun Kerana Kesalahan Merokok Di Premis Kerajaan	435
3) Jumlah Nilai Kompaun Yang Dikenakan	RM 108,750.00
4) Bilangan Pihak Pengurusan Premis Kerajaan Yang Dikompaun Kerana Gagal Mempamerkan Tanda Larangan Merokok / Tanda Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi	2
5) Jumlah Nilai Kompaun Yang Dikenakan Kerana Gagal Mempamerkan Notis Larangan Merokok	RM 500.00
Pecahan Kategori Premis Kerajaan yang diperiksa	Bilangan Orang Dikompaun
a) Kompleks/Pejabat Kerajaan Persekutuan - 131	26
b) Kompleks/Pejabat Daerah/Wisma Negeri - 112	65
c) Jabatan Imigresen - 41	38
d) Jabatan Kastam - 31	11
e) Hospital - 112	154
f) Klinik Kesihatan - 206	9
g) Premis Mahkamah - 99	76
h) Lain-lain Agensi & Jabatan Kerajaan - 201	56